

**Faham Behaviorisme dan Penjelasan Tentang Perilaku Insan:
Satu Analisis Kritis**

Oleh
Rosnani Hashim

Abstract

This article discusses the origin cum emergence of behaviorism as a mechanics in applying scientific method in education. Albeit the subject matter of behaviorism is focussed on mundane matters of human actions, it also deals with introspective psychology. What constitutes behaviorism and what are its inherent flaws? These are the questions that the present writer tries to underscore. Thus, a major part of this paper deals with a critical discussion on behaviorism both from the western and Islamic perspectives. What is revealing is that behaviorism as a discipline of study not longer commands advocacy of the majority today.

Pengenalan

Satu daripada permasalahan besar dalam bidang sains sosial bersangkut paut dengan persoalan falsafah, iaitu sama ada sarjana dari bidang ini boleh menggunakan kaedah sains tabii dalam bidang penyelidikan mereka. Satu daripada kesan persoalan ini ialah kemunculan faham behaviorisme – iaitu, satu mazhab bidang sains sosial yang memberi jawapan yang positif kepada persoalan ini. Justeru itu dikenali juga sebagai naturalistik (tabii) behaviorisme yang telah banyak mempengaruhi ilmu pendidikan Barat menerusi perkembangan-perkembangan pembelajaran bermula dari pembelajaran secara terancang (programmed instruction) sehingga penekanan yang meluas terhadap objektif pengajaran bersifat perlakuan (behaviour objectives). Falsafah behaviourisme memaksa kita meneliti dengan berhati-hati isu pengawalan dalam pendidikan seperti yang dibayangkan oleh B.F. Skinner menerusi karyanya Walden Two yang menggambarkan bagaimana sebuah masyarakat dapat dikawal dan dibentuk dengan menggunakan kaedah saintifik. Kesan behaviorisme memang dirasakan oleh sarjana dan pelajar yang mendalami bidang pendidikan kerana pengaruhnya ke atas psikologi, justeru itu Psikologi Pendidikan yang merupakan satu subjek dalam rumpun asas-asas Pendidikan. Esei ini mengkaji fahaman behaviorisme dan penjelasannya tentang perilaku insan. Ia menggariskan kemunculan mazhab ini dan mengemukakan kekuatan dan sumbangannya. Ia juga akan mendedahkan kritikan-kritikan terhadap mazhab behaviorisme yang membawanya kian ke arah keruntuhannya. Sejarah ringkas tentang penjelasan terhadap perilaku insan dari perspektif naturalis dan interpretatinalis akan diberikan bagi membantu pembaca memahami skop permasalahan ini.

Perilaku Insan

Perbuatan seorang insan dapat dikelaskan kepada perbuatan tanpa sadar seperti kelipan mata, dan perbuatan yang dapat dikawal seperti mengeyit mata kepada seseorang. Ilmu sains sosial berhasrat untuk menerangkan perilaku seseorang insan jenis yang kedua dan bukan perbuatan tanpa sadar. Berbeza dengan perbuatan tanpa sadar, perbuatan seseorang itu dipercayai dipengaruhi oleh kepercayaan dan kehendak individu yang terlibat bahkan terdapat mazhab yang mendokong perbuatan manusia dapat diterangkan dengan mengenalpasti kepercayaan dan kehendak yang mendorong mereka itu. Ini adalah mazhab yang dikenali sebagai psikologi *folk*. Ilmu sains sosial bukan sahaja berhasrat untuk menerangkan perbuatan individu, tetapi juga bercita-cita untuk menjelaskan kejadian-kejadian sosial dan institusi sosial berdasarkan perbuatan individu-individu.

Kompas sejarah

Pada saat ini, kita menganggap kebolehan kita menerangkan sesuatu perbuatan dengan mengenal pasti kepercayaan dan kehendak-kehendak individu sebagai satu yang logik. Tetapi ahli falsafah naturalis dan interpretationalis menjangkau lebih jauh dari ini dan bertanya kenapakah dengan memetik kepercayaan dan kehendak itu dapat menjelaskan perbuatan seseorang? Golongan naturalis (yang berasaskan sains tabi'i) berpendapat bahawa perbuatan manusia dapat dijelaskan secara saintifik, dan jika ia dapat dijelaskan menerusi kepercayaan dan kehendak, maka teori seperti ini dapat digunakan untuk meramalkan tindakan-tindakan masa depan. Sementara itu, golongan interpretationalis (penafsir) berusaha untuk mengenal pasti hubungan antara kepercayaan dan kehendak di satu pihak, dengan tindakan di pihak yang lain, sebagai usaha untuk menyakinkan golongan naturalis bahawa penjelasan tentang perbuatan manusia bukanlah satu usaha saintifik tetapi lebih kepada usaha untuk memahami, mentafsir dan mencari makna.

Golongan naturalis cukup yakin perbuatan manusia boleh dijelaskan secara saintifik sebab mereka percaya bahawa ketekalan dan ketetapan dalam tabiat manusia. Hume, seorang ahli falsafah dan sejarah berbangsa Inggeris kurun ke-18 menulis, "sememang telah diakui sejagat bahawa wujud keseragaman yang besar dalam tindakan manusia, di semua negeri dan zaman, dan sifat manusia tetap akan sama, tidak berubah, dari segi prinsip dan operasi."¹ Hume mendapati keselarian di antara ketetapan dalam tindakan manusia dan ketetapan dalam objek fizikal. Dia percaya bahawa manusia juga tertakluk kepada penentuan sebab-musabab, iaitu, ada undang-undang seperti undang-undang alam tabi'i yang menentukan perbuatan manusia. Tetapi pengkritik Hume menegaskan bahawa sebab-musabab moral dan sebab-musabab fizikal tidak serupa. Ketetapan perilaku insan adalah berdasarkan peraturan tetapi ketetapan objek fizikal tidak mempunyai peraturan.

Peraturan di sini bermaksud menurut peraturan, dan ia bergantung kepada di mana seorang itu berada. Oleh itu jika kita hendak tahu bagaimana keadaan seseorang individu itu, maka kita hendaklah memasuki alam kepercayaannya dan membina kefahaman tentang apa mereka yang lakukan.

Selepas Hume, Mill seorang lagi ahli falsafah Inggeris kurun ke-20, juga kita dapat mengangap ilmu sains sosial yang dipanggilnya logik bagi sains moral, "sebagai sains deduktif, bukan menurut model sains fizikal yang lebih kompleks."² Beliau percaya bahawa wujud sains apabila terdapat sahaja ketekalan. Pada pandangannya bagi mengkaji perbuatan manusia, generalisasi yang menghampiri peraturan yang dijangkakan adalah "memadai". Menurut Mill lagi, "sebarang fakta yang menurut satu lepas satu secara peraturan yang tetap layak untuk menjadi subjek sains, walaupun peraturan ini mungkin belum diketemui atau mungkin juga tidak akan dapat diketemui dengan sumber-sumber yang ada masa ini."³

Bagaimana pun, Walsh berhujah bahawa Hume membuat kesilapan dalam dakwaannya tentang ketetapan atau ketekalan sifat insan, bukan sahaja berhubung dengan kelengkapan formal bagi pemikiran dan membuat keputusan, tetapi juga dari sudut material.⁴ Walsh mendakwa bahawa apa yang tetap bukanlah prinsip yang mengatur tindakan manusia tetapi bentuk pemikiran praktikal itu sendiri. Beliau menegaskan bahawa untuk memahami tindakan manusia, kewajarannya (rationality) hendaklah dicari. Beliau percaya bahawa sifat insan bukanlah ditetapkan lebih awal tetapi dibentuk oleh keadaan.

Winch, seorang ahli sains sosial kurun ini, juga percaya bahawa Hegel, ahli falsafah Jerman, melakukan kesilapan yang hampir serupa dengan kesilapan yang dibuat oleh Mill, iaitu kegagalan untuk membezakan perubahan fizikal dan konsepsi. Winch menegaskan bahawa "Idea masyarakat yang terdiri dari manusia melibatkan satu skim konsep-konsep yang mengikut logiknya tidak sekutu dengan penjelasan yang diberi oleh sains tabi'i."⁵ Perbuatan manusia tertakluk kepada peraturan dan berdasarkan ini agak mustahil untuk mengkajinya dengan menggunakan kaedah saintifik. Ia lebih baik lagi dikaji menerusi analisis konsepsi. Winch menegaskan bahawa memandangkan perbuatan manusia ditentukan oleh peraturan-peraturan maka wujud hubungan logikal antara penyebab (*antecedent*) dan akibat (*consequence*). Ini bermakna bahawa hubungan sebab-musabab (causal) tidak wujud sebab kedua-dua *penyebab* dan *akibat* dikenalpasti secara berasingan dan bukan serentak secara berkaitan.

Fahaman behaviorisme-Takrif dan sejarah

Behaviorisme adalah "satu falsafah sains yang mengutarakan bahawa psikologi ialah kajian tentang perilaku individu dalam intraksinya dengan persekitaran."⁶

Postulat utama behaviorisme menyatakan bahawa isi kandungan psikologi dikaji melalui prosedur yang objektif, khususnya menerusi kaedah eksperimental. Faham Behaviorisme mulai muncul pada awal abad kedua puluh. Ia merupakan satu respons kepada kelemahan-kelemahan untuk menerangkan perbuatan manusia berasaskan niat dan satu pendekatan untuk menjelaskan kenapa strategi yang dirancang secara sengaja gagal. Pada tahun 1913, J.B. Watson menerbitkan satu majalah yang mendakwa bahawa psikologi ialah satu cabang sains tabii yang sepenuhnya eksperimental. Justeru itu, beliau berhujah bahawa ahli psikologi sewajarnya menolak segala peristilahan mentalistik bagi memberi laluan kepada konsep-konsep seperti rangsangan dan tindakbalas, yang dipinjam daripada ilmu kaji hayat. Beliau menekankan bahawa matlamat psikologi ialah untuk meramal dan mengawal tingkahlaku dan bukan untuk meneroka unsur-unsur kesedaran insan melalui introspeksi (memandang ke dalam). Watson kemudian berusaha untuk membina falsafah behaviorisme selaras dengan postulat asasnya itu. Semua bidang psikologi dibedahsiasat dalam konteks menggunakan konsep rangsangan-tindakbalas yang amat bertepatan dengan pradigma pengkondisian Pavlov. Terdapat banyak bukti tentang perspektif tunggal ini : beliau menekankan pembelajaran, menafikan kewujudan naluri (*instinct*) ; mempostulat bahawa semua emosi insan terhasil melalui proses evolusi dari pengkondisian tiga emosi asas (cinta, marah dan takut), dan melihat pemikiran sebagai pergerakan pertuturan yang tersirat (*implicit*). Pemikiran lisan (*verbal*) pula ditafsirkan sebagai percakapan subvocal yang melibatkan tabiat otot yang dipelajari dari pertuturan terbuka (*overt*)

Hasil dari pergerakan behaviorisme ini, muncul cukup banyak data eksperimental tentang pembelajaran yang mendorong ahli psikologi Amerika, B.F. Skinner untuk membina apa yang dipanggil teori pembelajaran neo-Behaviorisme pada tahun 50an. Berdasarkan teori Skinner, ahli psikologi behaviorisme menengahkan bahawa "matlamat sains mereka bukanlah untuk memahami minda, tetapi untuk mensistematisasikan perlakuan yang zahir."⁷⁷ Fahaman Behaviorisme bukan sahaja mempengaruhi psikologi tetapi mempunyai impak yang besar terhadap sains politik dan ekonomi. Menurut pendokong mazhab behaviorisme, ujian bagi ilmu sains sosial yang baik sepatutnya ialah "kejayaan meramalkan dan menjelaskan fenomena yang kelihatan, iaitu, perilaku, sama ada oleh individu atau kumpulan."⁷⁸ Justeru itu keadaan dalaman seperti niat dan emosi, mengganggu ahli behaviorisme sebab sifatnya yang tidak dapat diperhatikan sebagai punca bagi sesuatu perlakuan.

Sanggahan Pendokong Behaviorisme Terhadap Teori Kesengajaan

Pendokong Behaviorisme menimbulkan bantahan terhadap psikologi *folk* dan teori kesengajaan (berasaskan niat) yang lain, yang bergantung kepada introspeksi untuk hipotesis-hipotesis yang menjelaskan perbuatan manusia dan bagi bukti untuk menguji hipotesis-hipotesis tersebut. Ujian introspektif menjadikan 'minda' sebagai hakim, juri dan pelaksana teorinya sendiri terhadap diri insan, walhal kita sebenarnya tidak tahu langsung tentang sifat minda orang lain. Dengan kata lain, golongan Behaviorisme menimbulkan persoalan falsafah tentang keupayaan mengetahui keadaan minda (niat) orang lain sekiranya ia adalah jalan untuk mengetahui perilaku mereka. Menurut golongan ini, psikologi tertumpu kepada perlakuan, dan perlakuan sahaja, sebab kenyataan tentang perilaku, walaupun mereka tidak menafikan tentang wujudnya minda. Sebenarnya bagi golongan ini, persoalan tentang minda adalah tidak relevan sebab pertama, perbuatan manusia boleh diterangkan tanpa merujuk kepada minda; kedua, ia tidak dapat diterangkan dengan membuat rujukan tersebut; dan akhirnya, persoalan tentang minda sememangnya tidak dapat dijawab.

Cuba fikirkan tentang prinsip utama penerangan dalam psikologi *folk* [L], yang menyatakan : **Diberi sebarang individu x, jika x ingin d dan x percaya bahawa y adalah cara untuk mencapai d, maka x akan berbuat y dalam sebarang keadaan.** Berdasarkan hujah di atas, ahli behaviorisme menunjukkan bahawa hipotesis mental seperti [L] tidak dapat menerangkan perbuatan manusia sebab [L] terdapat dalam minda, iaitu, ia merujuk kepada keadaan mental tentang kepercayaan dan kehendak.

Sebenarnya [L] mengandungi kelemahan-kelemahan yang membuatnya cacat sebagai satu undang-undang yang boleh mengenal pasti punca sesuatu perbuatan mengikut piawai "Undang-undang ini menyatakan bahawa: kejadian sesuatu peristiwa seharusnya dapat diterbitkan dari satu atau lebih peraturan umum dan satu kenyataan tentang keadaan-keadaan atau syarat-syarat awal. Dalam model ini, untuk menentukan kepercayaan dan kehendak mereka yang lain. Oleh itu ia memerlukan kita menggunakan [L] sendiri dalam memerlukan kita membuat andaian lanjut tentang kepercayaan dan kehendak mereka yang lain. Ada tiga masalah besar dengan [L]. Pertama, masalah regresi dalam mengenalpasti keadaan permulaan kepercayaan, kehendak dan tindakan. Dalam menerangkan tindakan melalui [L], kita perlu menggunakan [L] bagi menentukan keadaan permulaan. Akhir sekali, [L] tidak dapat dipalsukan dan mengikut takrif Popper, seorang sarjana falsafah sains yang masyhur, ia gagal menjadi saintifik sebab ia tidak dapat memberi ilmu saintifik dan empirikal. Golongan behaviorisme mengangap dalaman seperti (L) , bersifat teleleogikal dan bersandarkan kepada idea "tujuan " atau "riadah". Oleh itu, bagi mereka "psikologi adalah sains

perlakuan, sebab pada akhirnya, itu sajalah yang ada bagi sains untuk mengkaji jisim dalam pergerakan – perlakuan”⁹

Undang-undang Kesan (LE) dan (L)

Kita telah melihat bagaimana pendokong behaviorisme menolak teori perlakuan insan yang dimajukan oleh psikologi *folk* dan ahli teori dalaman yang lain. Ia juga menolak teori yang menerangkan perlakuan insan bersandarkan kejadian dan proses neurologi yang terdapat di otak (Skinner membezakan antara perbuatan tidak disedari dengan perbuatan operan). Golongan behaviorisme berpendapat sebahagian besar tingkah laku manusia adalah fungsi kepada faktor-faktor persekitaran. Mereka juga menegaskan bahawa tingkah laku operan dikenali sebagai tingkah laku secara sadar atau senghaja, adalah satu tingkah laku yang dipamerkan oleh sesuatu organisma hasil daripada sebab-sebab neural yang pelbagai dan tidak tetap untuk menarik minat kita. Tetapi apabila ia telah dipamerkan, tingkah laku yang rumit ini tertakluk kepada pengkondisian persekitaran mengikut undang-undang akibat (law of effect) [LE];jika tingkah laku terhasil dikukuhkan, ia akan berulang dengan lebih kerap (atau kuat atau lama). Jika ia dihukum, ia akan diulang dengan kekerapan yang lebih rendah (atau kekuatan atau tempoh masa).

Dalam penjelasan ahli behaviorisme tentang tingkah laku manusia, undang-undang akibat [LE] menggantikan prinsip utama bagi penerangan [L] dalam psikologi *folk*. [LE] mendakwa bahawa apabila terpamer sahaja sesuatu perbuatan tanpa mengira sebab, perbuatan yang memberi manfaat tertentu kepada organisma – pengukuhan – besar kemungkinan ia akan berulang. Sesuatu tingkah laku yang mana kekerapan atau kekuatan, atau tempoh masa boleh dikurangkan oleh ganjaran atau pengukuhan tertentu dianggap sebagai tingkah laku operan. Dari perspektif ini, semua perlakuan manusia adalah perlakuan operan dan kejadiannya boleh dijelaskan oleh sesorang berdasarkan kaitan sama ada perbuatan itu diperkukuh atau dihukum pada waktu yang lalu. Daripada kejayaannya meramal dan mengawal tingkah laku dalam situasi analisis eksperimental terhadap gerak laku haiwan yang stereotaip, golongan behavioris mendakwa bahawa behaviorisme operan mengelakkan dari kecacatan metodologi psikologi folk dan pengganti-penggantinya dari kalangan fahaman kesenghajaan.

Kritikan terhadap fahaman behaviorisme perspektif Barat

Fahaman behaviorisme mendapat kritikan yang hebat dari pelbagai pihak. Pertama, pengkritiknya menganggap bahawa teori-teori behaviorisme serupa sahaja dengan teori kesenghajaan yang ingin digantinya dari sudut teleologi. Kedua, teori

behaviorisme sebaliknya juga adalah akhirnya sejenis teori kesenghajaan. Kritikan paling besar yang ditujukan kepada behaviorisme bersabit dengan undang akibat. [LE] didakwa memiliki kelemahan metodologi yang sama seperti yang dialami oleh [L], sehinggalah pengukuh dan perangsang bebas daripada kelakuan yang dikawal. Jika tidak, pengukuh dan perangsang akan kekal dalam keadaan lama iaitu sebagai kehendak dan kepercayaan. Oleh itu, adalah ditegaskan bahawa [LE] itu adalah [L] “berselindung di bawah istilah sains yang baru dan lebih saintifik.” Oleh yang demikian kuasa meramal behaviorisme akan menjadi lemah sepertimana psikologi *folk* dan dakwaan bahawa ini adalah kerana kemudaan usia fahaman behaviorisme adalah suatu yang dangkal.

Untuk membezakan antara perlakuan operan dengan psikologi *folk*, pendokong behaviorisme mesti melakukan dua perkara yang berkaitan. Mereka mesti memberi cara untuk mengenalpasti perangsang persekitaran, pengukuh tingkah laku yang bebas di antara satu sama lain; dan seterusnya menunjukkan bahawa tiada satu pun daripada ketiga-tiga faktor ini disenghajakan secara langsung mahupun tidak langsung. Misalnya, apa yang diketahui tentang pengukuh ialah organisma, haiwan dan manusia berhajat kepadanya dan hasil memilikinya menimbulkan kepuasan. Juga, hipotesis bahawa pengukuhan dilaksanakan melalui sebahagian daripada otak tidak berfaedah dalam menentukan apakah dia yang dimaksudkan dengan pengukuh. Justeru itu hipotesis ini tidak membantu tingkahlaku operan memajukan lagi pencapaian psikologi *folk* dalam penerangan dan ramalan perlakuan manusia.

Kritikan ke atas behaviorisme dari perspektif Islam

Fahaman behaviorisme memang sukar hendak diterima dari perspektif Islam. Sifatnya cukup sekular dan ia menyamaratakan insan dengan haiwan. Sememangnya insan dan haiwan serupa dalam aspek mempunyai fizikal dan memerlukan keperluan asas seperti makan, minum, perlindungan daripada panas dan hujan, pergerakan dan nafsu gharizah (seks) demi kelangsungan spesies. Namun kedua kategori makhluk ini mempunyai perbezaan yang sangat ketara. Martabat manusia mengatasi segala makhluk yang lain. Perbezaan itu terletak kepada kelemahan atau keengganan golongan behaviorisme untuk memahami sifat insan yang sebenarnya. Perbezaan manusia dan haiwan terletak kepada roh yang ditiupkan Allah ke dalam setiap insan. Pada roh ini terdapat fakulti yang tidak terdapat pada makhluk lain. Roh mengandungi juga fakulti akal, qalb (hati) dan nafs, fahaman behaviorisme cuma mengiktiraf fakulti akal.

Mereka menolak roh, nafs dan qalb. Justeru itu mereka melihat insan ini sebagai satu unsur mekanikal yang tunduk kepada undang-undang alam tabii seperti juga makhluk lain. Walhal, dengan akal yang telah dianugerahkan kepada

mereka, manusia mampu mengikut atau membantah. Justeru walaupun seseorang individu itu tekal dalam sesuatu perbuatan atau tabiatnya, tidak mustahil beliau boleh mengubah tabiatnya itu atau ketekalannya itu dalam suatu keadaan yang memaksanya melakukan demikian. Misalnya, seseorang itu dilihat sentiasa ke masjid setiap waktu Maghrib untuk mengerjakan sembahyang secara berjemaah. Perkara ini diperhatikan saban hari untuk tempoh sebulan sehingga disimpulkan bahawa setiap Maghrib, si fulan ini akan ke masjid. Bagaimanapun tidaklah menghairankan kalau si fulan ini tidak ke masjid dua minggu selepas pemerhatian itu. Mungkin ada halangan atau terdapat perubahan dalam fikirannya atau hatinya merasakan tidak selesa melihat sesuatu di masjid itu. Justeru itu tingkahlakunya ditentukan oleh banyak faktor seperti kepercayaan, kehendak dan perasaannya. Dalam konteks ini sukar untuk faham behaviorisme untuk kekal.

Begitu juga dalam konteks pengukuhan dan hukum. Golongan behaviorisme menekankan unsur material dan sosial sebagai pendorong yang kuat untuk pengukuhan. Ini sekali lagi bercanggah dengan sifat insan khususnya yang percayakan kepada Tuhan. Kepercayaan ini juga menjadi pendorong utama untuk pengukuhan sesuatu perilaku dan boleh juga menjadi pencegah kepada perbuatan tertentu. Umpamanya konsep mencari keredhaan Allah boleh mendorong insan berkelakuan baik, dan bersungguh-sungguh dan tekal dalam melakukan sesuatu walaupun tidak diberi ganjaran material yang lumayan. Begitu juga konsep dosa yang terdapat dalam roh beragama dan perasaan bersalah yang boleh menghindarkan seseorang dari terus melakukan sesuatu perbuatan yang dipandang buruk.

Konsep behaviorisme juga bertentangan dengan iktikad Islam apabila ia menilai sesuatu dengan melihat pada yang zahir sahaja dan menolak kesengajaan atau niat pelaku perbuatan tersebut. Sesuatu perbuatan yang dipamerkan itu tidak terlepas daripada didahulukan dengan niat tertentu sama ada baik mahu pun buruk. Hadith Nabi ada menyebut yang bermaksud: "sesungguhnya setiap amal dengan niatnya....", iaitu ganjaran bagi perbuatan tersebut bergantung kepada niat yang menandakan perbuatan itu. Justeru itu adalah sukar bagi kita untuk menolak peranan niat atau kesengajaan dalam perbuatan manusia. Ini juga menunjukkan bertapa sukarnya untuk menelaah apa lagi untuk meramal perilaku insan seperti yang dihajati oleh golongan behaviorisme kerana perbuatan insan banyak dipengaruhi oleh niat, kepercayaan dan kehendaknya.

Kesimpulan

Ringkasnya, kami percaya bahawa teori behaviorisme tidak menyakinkan sepenuhnya sebagai alternatif kepada psikologi *folk* dalam menerangkan perilaku manusia. Kita tidak dapat menafikan kejayaan fahaman behaviorisme dalam menerangkan beberapa aspek tingkahlaku haiwan di makmal. Kita tidak dapat menafikan kepentingannya sebagai pemangkin dalam anjakan dari kesedaran dan subjektivisme kepada materialisme dan objektivisme. Dorongan-dorongan bagi behaviorisme dalam sejarah kemajuan sains mungkin betul, dan matlamatnya mengelakkan kesengajaan (niat) mungkin betul juga, dalam meletakkan asas kepada sains tingkah laku insan. Tetapi matlamat ini nampaknya lebih sukar dicapai daripada apa yang diduga oleh golongan behavioris. Bahkan dalam disiplin tertentu seperti ekonomi dan sains politik, fahaman behaviorisme menimbulkan lebih banyak isu daripada menyelesaikannya.

Justeru itu pendekatan saintifik terhadap perilaku insan bukanlah sunyi daripada kelemahan. Mungkin, adalah lebih baik bagi kita meneliti pendekatan-pendekatan lain seperti pendekatan interpretif golongan fenomenologi, pendekatan teori kritis Habermas dan Sekolah Frankfurt, dan yang penting sekali merujuk kepada kitab agung, al-Qur'an dan sunnah untuk memahami sifat insan. Al-Qur'an kaya dengan kenyataan tentang sifat insan: Bagaimana ia keluh kesah apabila ditimpa sedikit kesusahan, kikir dan sombongnya dan pelbagai lagi. Mungkin kesemua ini dapat distrukturkan semula atau digunakan untuk saling melengkapi satu sama lain bagi memberi penerangan yang lebih jitu tentang manusia dan tindakannya dan bukan sebagai asas bagi ramalan masa depan.

Nota

1. Hume, "Enquiry Concerning Human Understanding," hal 83-4, Edisi Selby-Bigge dalam Walsh, W.H. (1986), *Constancy of Human Nature, Contemporary British Philosophy*, hal.275-91.
2. Mill, J.S., *The Logic of the Moral Sciences* (LaSalle, IL.: Open Court, 1988), hal.83.
3. Ibid., hal. 30
4. Walsh, W.H., 'The Constancy of Human Nature', hal.288.
5. Winch,P., *The ideas of Social Science and its Relation to Philosophy* (New York: Humanities Press, 1971),hal.73.
6. Torsten, H. dan Postlethwaither, T.N. (Ed.) *The International Encyclopaedia of Education* (New York: Pergamon Press, 1985),hal.444-45.
7. Rosenberg, A. *Philosophy of Social Science* (Boulder, Co.: Westview Press, 1988), hal. 52
8. Ibid., hal. 51
9. Ibid., hal. 57

Sekolah Rendah Islam (SRI) ABIM : Satu Penilaian Awal

Oleh

Haji Mahyuddin Bin Ashaari

Abstract

Since the inception of educational institution of ABIM in the late 1970s there has not been any attempt to evaluate the performance of the institution. This paper, though brief attempts to provide an over-all appraisal on the primary school of ABIM, nine in number focussing on issues such as infrastructure, teacher and teacher education, the curriculum in the context of religion its philosophy and matters pertaining to the welfare of the schools' staff. As a whole, the idea of establishing schools parallel to the existing government run national schools is not to compete, rather it is to provide an alternative. It is quite an irony, the findings show that these schools fail to live up the minimum standard set by the national school in many respects. Thus, to qualify to be really "an alternative" to the present system of national schools, many shortcomings are to be redressed and lot more to be done.

Pendahuluan

ABIM telah berjaya memperkenalkan institusi pendidikan formal, yang bermula dari peringkat pra sekolah iaitu; Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) sejak hampir tiga dekad yang lalu. Kemudiannya diikuti dengan penubuhan Sekolah Rendah Islam (SRI), bagi membolehkan murid-murid TASKI menyambung pelajaran di peringkat pendidikan sekolah rendah. Institusi pendidikan Islam yang ditaja oleh ABIM ini mempunyai masa depan yang gemilang kerana ABIM memperkenalkan sistem pendidikan bersepadu, yang berbeza dari pendekatan pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sekolah Agama Rakyat. Konsep sepadu dalam pendidikan yang diperkenalkan ialah penggabungan ilmu ukhrawi dan ilmu duniawi dalam satu kurikulum. Pendekatan sepadu ini berasaskan integrasi ilmu wahyu dan akal, ke arah menghapuskan dikotomi dan dualisme dalam pendidikan.

Perkembangan dan Kemudahan

Sekolah Rendah Islam (SRI) ABIM mula ditubuhkan lebih satu dekad yang lalu, kebanyakannya dibangunkan pada tahun 1989. Pada masa ini terdapat sembilan buah SRI, dua buah di Kedah, tiap-tiap sebuah di Perak, Kuala Lumpur (SRI Al Huda Gombak), Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan dan Kajang. Semua